


## **APPENDIX A**

(CADANGAN)


TIMBALAN KETUA STAF - 1 x BRIG JEN  
 SISTEM MAKLUMAT - 1 x KAPT  
 PEMBANTU TADBIR (M9)(KESETIAUSANA) - 1 x AMAN  
 BATMAN - 1 x PBT

PEJABAT AM  
 KETUA KERANI - 1 x PW 11  
 KERANI KPA BK - 3 x KPL/LKPL/PBT  
 PEMBANTU TADBIR (M9)(KERANI) - 1 x AMAN  
 PEMBANTU TADBIR KENDAN (M11)(JURUTAIP) - 6 x AMAN  
 PEMBANTU AM RENDAH (M13) - 2 x AMAN



## **APPENDIX B**

## CADANGAN STRUKTUR ORGANISASI JABATANARAH ARTILERI BAHAGIAN STAF MARKAS TENTERA DARAT YANG DIPERAKUKAN OLEH BKN



### RINGKASAN PERJAWATAN JABATANARAH ARTILERI

PANGKAT/ JAWATAN	BRIG JEN	KOL	LT KOL	MEJ	KAPT	JUMLAH PEGAWAI	PW II	SJN	KPL/ BDR	LKPL/ LBDR	PBT/ GMR	JUMLAH LLP	PT N9 (P/O)	PT N9 (S)	PTR N11	PAR N13	JUMLAH AWAM	JUMLAH BESAR
SEKARANG	-	1	1	3	2	7	1	-	2	2	-	5	2	-	3	1	6	18
CADANGAN	1	-	3	7	2	13	1	3	10	2	1	17	2	1	3	1	7	37
PERAKUAN	-	1	3	7	2	13	1	3	10	2	-	16	2	1	3	1	7	36
+/-	-	-	+2	+4	-	+6	-	+3	+8	-	-	+11	-	+1	-	-	+1	+18

## **APPENDIX C**

Markas Tentera Darat  
Kementerian Pertahanan  
Jalan Padang Tembak  
50634 KUALA LUMPUR

03 - 2921333 Samb 2210

15 Jul 97

KP/G-CSM/1/(KEB)/6759

Lihat Agihan

**DERMA TABUNG AMANAH PERWIRA DAN PERTAHANAN NEGARA (DTAPPN)**

Rujuk:

- A. KP/MK TD/TADBIR/(KEB)/4800 bertarikh 3 Mei 88.
- B. PATD 15/90.
- C. KP(S)850/11 Jld.9-(20) bertarikh 29 Mei 95 (TKT).
- D. KP(S)850/11 Jil.10-(32) bertarikh 28 Mei 97 (TKT).

**AM**

1. Arahan berkaitan DTAPPN telah dikeluarkan melalui Rujuk A dan B. Mesyuarat Lembaga Pengurusan Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) ke 25 yang bersidang pada 28 Dis 94 dan ke 38 yang bersidang pada 26 Ogos 1996 telah meluluskan kaedah baru bantuan saguhati dan garis panduan berkaitan dengan tafsiran perkataan tugas aktif dan tugas biasa bagi mengelakkan kekeliruan dalam menentukan kelayakan penerima bantuan dari TAPPN.

**TUJUAN**

2. Arahan ini bertujuan untuk memaklumkan kadar bayaran saguhati, syarat-syarat kelayakan dan cara-cara memohon DTAPPN.

**KADAR BARU BAYARAN**

3. Kadar baru bantuan saguhati yang telah dikeluarkan melalui Rujuk C. berkuatkuasa mulai 1 Jan 95 adalah seperti berikut:

a.	Cedera ringan	-	RM 600.00
b.	Cedera parah	-	RM 4,000.00
c.	Cedera parah yang mengakibatkan 'Permanent Disablement' dan terpaksa diberhentikan dari perkhidmatan.	-	RM 9,000.00

- |  |   |             |
|--|---|-------------|
| d. Cedera parah yang mengakibatkan hilang pandangan kedua-dua mata menyebabkan kesukaran untuk mencari mata pencarian, kudung kedua-dua belah kaki atau lumpuh dari paras pinggang ke bawah. | - | RM21,000.00 |
| e. Meninggal dunia   | - | RM18,000.00 |

#### KADAR AGIHAN KEPADA WARIS

4. Mesyuarat Jawatankuasa TAPPN kali ke 27 yang telah diadakan pada 26 Apr 86 telah bersetuju bahawa bagi kes yang melibatkan kematian, kadar agihan adalah seperti berikut:
- Bagi balu yang tidak mempunyai zuriat, agihan pembayaran adalah dengan kadar 70% untuk balu dan 30% untuk ibu/bapa anggota.
  - Bagi anggota tentera wanita yang meninggal dunia dan mempunyai anak, bayaran bantuan saguhati akan diberi terus kepada dudanya.
  - Bagi kes di mana anggota tentera lelaki meninggalkan balu lebih dari seorang, kadar bayaran akan dibahagi kepada tiap-tiap seorang balu sama banyak tanpa mengambil kira bilangan anak.

#### SYARAT KELAYAKAN

5. Kelayakan pemberian bantuan saguhati DTAPPN adalah berpandukan kepada keadaan yang dikategorikan sebagai tugas aktif seperti berikut dan lavak mendapat bantuan:
- Anggota Pasukan Keselamatan yang telah mengalami kecederaan semasa insiden tembak-menembak di dalam tugas membenteras jenayah (operasi/gerakan).
  - Anggota Pasukan Keselamatan telah dilanggar oleh sesebuah kenderaan semasa membuat rondaan lalu lintas.
  - Semasa dalam perjalanan dari tempat bertugas/Ibu Pejabat ke tempat yang ditugaskan kemudiannya.
  - Walaupun 'off-duty' tetapi berlaku jenayah di hadapan anggota dan mendapat kecederaan semasa bertindak membenteras penjenayah.
  - Semasa menjalani latihan fizikal yang berisiko tinggi, tercedera atau meninggal dunia dalam latihan.
  - Berkhidmat di luar negara dibawah Panji-Panji Bangsa-Bangsa Bersatu dan sepenuh masa menghadapi situasi yang berisiko.

- g. Semasa menjalani tugas dalam keadaan berikut:
- (1) Menjalankan Latihan Dalam Rekrut (termasuk bersukan) dan Ujian.
  - (2) Bencana Alam.
  - (3) Darurat.
  - (4) Perbuatan Subversif.
  - (5) Ancaman Dari Luar.
  - (6) Mengawal Ketenteraman Awam.
  - (7) Menegak Undang-Undang.
  - (8) Membentaras Penjenayah.

6. Manakala tugas-tugas biasa adalah dikategorikan seperti berikut dan tidak layak mendapat bantuan:

- a. Bertugas di pejabat atau pejabat pertanyaan dan telah meninggal dunia akibat sakit jantung atau sakit biasa.
- b. Kemalangan jalan raya semasa ke pejabat untuk bertugas atau pun semasa rehat.
- c. Semua tugas rutin di pasukan/pangkalan.
- d. Menjalani latihan kursus dan semua jenis sukan.
- e. Menghantar dan mengambil barang dari unit ke pasukan.

7. Mereka yang terlibat seperti dinyatakan di perenggan 5 di atas hendaklah disahkan oleh Pegawai Memerintah/Pemerintah/Pegawai Atasan sebagai telah meninggal dunia atau tercedera semasa menjalankan tugas/bertugas.

8. Anggota-anggota yang meninggal dunia atau tercedera kerana kecuaiannya sendiri, walaupun semasa bertugas, tidak berkecualan untuk menerima bantuan dari TAPPN.

9. Anggota Tentera Darat yang layak merangkumi:

- a. Anggota Tetap.
- b. Anggota Sukarelawan/Sukarelawati.
- c. Anggota Simpanan.



10. Adalah dimaklumkan, kuasa muktamad sama ada seseorang itu layak atau tidak untuk diberi bantuan saguhati adalah bergantung kepada Cawangan Perkhidmatan Tentera KEMENTERIAAN untuk meluluskan setelah mengkaji dan meneliti permohonan DTAPPN serta mendapat restu dari YB Timbalan Menteri Pertahanan.

#### CARA-CARA MEMOHON

11. **Kawat.** Permohonan DTAPPN hendaklah dibuat dengan SERTAMERTA melalui kawat Siaran Warta Raya (SIWARA) atau Berita Tentera Am (BERITERA). Bagi tujuan ini, maka tajuk kawat berbunyi SIWARA/DERMA TABUNG AMANAH PERWIRA DAN PERTAHANAN NEGARA atau BERITERA/DERMA TABUNG AMANAH PERWIRA DAN PERTAHANAN NEGARA. Kawat hendaklah diberi pengutamaan SERTAMERTA dan dialamatkan kepada pengalamat-pengalamat yang berkenaan. Kawat hendaklah mengandungi butir-butir seperti berikut:

- a. Nombor tentera, pangkat, nama penuh, kor/rejimen dan pasukan.
- b. Tarikh dan masa kejadian/kemalangan.
- c. Kejadian/kemalangan berlaku semasa (operasi/latihan/tugas tentera) (penerbangan/pelayaran/pergerakan keretapi/jalan raya tidak dalam tugas) nyatakan samada terbunuh, mati, hilang, sakit tenat, cedera parah/ringan dan disahkan oleh Pegawai Perubatan.
- d. Keterangan ringkas bagaimana kejadian/kemalangan berlaku. Jika tugas rasmi nyatakan jenis tugas yang dijalankan.
- e. Tempat kejadian/kemalangan (kawasan). Untuk tugas operasi/latihan nyatakan grid peta dan nama operasi/latihan.
- f. Nama penuh waris pertama, nombor kad pengenalan, pertalian persaudaran dengan simati yang tercedera dan alamat serta NOMBOR POSKOD. Sama ada waris telah diberitahu atau belum.
- g. Layak atau tidak layak memohon DTAPPN.
- h. Nyatakan Insurans Berkumpul AT. Jumlah unit dan nombor ahli.
- i. Nama dan alamat ibubapa yang lengkap jika anggota meninggal dunia.
- j. Dokumen kematian dan kecederaan akan menyusul. Permohonan BAT D 48 akan dimajukan (jika anggota layak).
- k. Jika anggota memandu kenderaan sila nyatakan tarikh tamat lesen memandu dan tarikh tamat cukai jalan. Jika menunggang/membonceng motosikal nyatakan sama ada memakai 'Luminous Jacket' atau tidak.
- l. Nyatakan tarikh mula berkhidmat, tarikh tamat perkhidmatan, tarikh lahir, tempat lahir, tempat pengkebumian bagi anggota yang meninggal dunia dan tempat rawatan bagi anggota yang cedera.

12. Sebagai panduan cara-cara untuk menghantar SIWARA dan BERITERA adalah seperti di Kembaran A.

13. Borang BAT D 48. Borang BAT D 48 (pindaan) iaitu permohonan bantuan daripada DTAPPN, hendaklah dihantar dengan segera sebaik sahaja SIWARA BERITERA telah diuruskan dengan menggunakan borang seperti di Kembaran B.

14. Sebanyak 6 salinan BAT D 48 hendaklah disediakan dan dihantar ke Cawangan Sumber Manusia, Markas Tentera Darat untuk diproses dan surat iringan BAT D 48 tersebut hendaklah disalinkan kepada:

- a. Jabatanarah Rekod dan Pencen.
- b. Jabatanarah/Kor anggota berkenaan.
- c. Markas Formasi masing-masing.

15. Maklumat-maklumat yang disampaikan sama ada melalui SIWARA/BERITERA atau BAT D 48 hendaklah disahkan betul terlebih dahulu sebelum dimajukan.

16. Semua permohonan DTAPPN hendaklah disertakan dengan satu salinan fotostat BAT C 10 bagi anggota yang tercedera atau Kad Pengenalan Awam/BAT C 10 waris kepada anggota yang meninggal dunia. Perkara ini perlu agar tiada kesilapan semasa penyediaan cek sipenerima.

#### LAPORAN LEMBAGA PENYIASATAN

17. Bagi kes kematian/kecederaan yang memerlukan Lembaga Penyiasatan untuk mengenal pasti punca kemalangan/kejadian, maka ianya hendaklah diadakan. Lembaga Penyiasatan tersebut hendaklah diadakan dengan segera dan dimajukan melalui saluran pemerintahan yang sedia wujud dan sampai ke Cawangan Sumber Manusia, Markas Tentera Darat selewat-lawatnya dua bulan dari tarikh bersidang. Perkara ini perlu dilaksanakan supaya tindakan sewajarnya dapat diambil oleh Markas Tentera Darat bagi mendapatkan bantuan saguhati DTAPPN dengan lebih cepat.

#### TARIKH KUATKUASA

18. Adalah dimaklumkan bahawa arahan ini berkuatkuasa mulai 1 Jan 95.

#### PEMBATALAN

19. Dengan keluarnya surat ini, maka arahan yang telah dikeluarkan melalui Rujuk A dan B adalah dibatalkan.

## PENUTUP

20. Semua pengalamat hendaklah mengikut tatacara yang betul supaya proses mendapatkan bantuan saguhati DTAPPN dapat dilaksanakan dengan licin dan teratur.
21. Sila hebahkan kepada unit-unit di bawah naungan masing-masing.



KHALID BIN SAAD

Brig Jen  
bp Panglima Tentera Darat

Kembaran:

- A. Contoh SIAWARA untuk mendapatkan bantuan Derma Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara.
- B. Borang BAT D 48 (Pindaan).

Agihan:

Luar:

Tindakan:

Markas ATM  
(Untuk Perhatian: Sekretariat)

Bahagian Perkhidmatan Anggota  
(Untuk Perhatian: Jabatanarah Rekod dan Pencen)  
Jabatanarah KAGAT)  
Jabatanarah Pelajaran)

Bahagian Perkhidmatan Kesihatan

Bahagian Staf Perisikan Pertahanan  
(Untuk Perhatian: Urusetia)

Markas Medan Tentera Darat  
Markas Latihan Tentera Darat  
Markas Lojistik Tentera Darat  
Markas 10 Bgd Para  
Markas 21 GKK

Bahagian Keselamatan Negara

Maklumat:

Bahagian Perkhidmatan Anggota  
(Untuk Perhatian: Cawangan Kebajikan)

Dalam:

Tindakan:

Senarai F

Maklumat:

Pejabat PTD  
Pejabat TPTD

CONTOH SIWARA UNTUK MENDAPATKAN BANTUAN  
DERMA TABUNG AMANAH PERWIRA DAN PERTAHANAN NEGARA

BORANG PERLU'SAN

PENGLUTAMAAN TINDAKAN    PENGLUTAMAAN MAKLUMAT    KUMPLIAN TARIKH WAJIB

SERTAMERTA

SERTAMERTA

19 2000 H. MEI 97

DARIPADA : 2 RAMD

KEPADA : MK ATM  
MK TD

MAKLUMAT : MK MEDAN TD  
3 DIV  
13 BGD

PERJENISAN KESELAMATAN

NOMBOR PENGHANTAR

TERBUKA

A 67

MK ATM UNTUK BGP KMM JRP KMM BPK DAN PROBOS MARSHAL . MK TD UNTUK CSM KMM OPLAT DAN MAKLUMAT INF . SIWARA DERMA TABUNG AMANAH PERWIRA DAN PERTAHANAN NEGARA .

ALPHA : 1107504 KPL MUHD SHAARI BIN LEBAI MALANG KMM RAMD KMM 2 RAMD .

BRAVO : 191300H MEI 97 .

CHARLIE : DALAM TUGAS OPERASI . CEDERA DI KAKI KANAN DAN MUKA . KAKI KANAN PUTUS BAWAH LUTUT . PEGAWAI PERUBATAN MENGESAHKAN KES SEBAGAI CEDERA PARAH .

DELTA : SEMASA MENJEJAK DAN MENGELEDAH KAWASAN MUSUH TELAH TERPIJAK JERANGKAP SAMAR MUSUH .

ECHO : KAWASAN HUTAN SIMPAN LINTANG KMM BENTONG KMM PAHANG KMM GR VK 497601 .

FOXTROT : WARIS KMM MARIAM BTE ABDULLAH (ISTERI) KMM NOMBOR KAD PENGENALAN DASH 670913 -02 - 8820 KMM ALAMAT KAMPONG MUDA KMM 60079 KULIM KMM KEDAH . SUDAH DIBERITAHU .

GOLF : LAYAK MEMOHON DTAPPN .

HOTEL : MENJADI AHLI INSURAN BERKUMPUL SEBANYAK TIGA UNIT KMM NOMBOR AHLI 2020 .

INDIA : TIDAK BERKAITAN .

JULIET : DOKUMEN KECEDERAAN AKAN MENYUSUL DAN BAT D 48 AKAN DIMAJUKAN .

KILO : TIDAK BERKAITAN .

LIMA : TARIKH MULA BERKHIDMAT 1 JAN 86 KMM TARIKH TAMAT PERKHIDMATAN 1 JAN 2007 KMM TARIKH LAHIR 3 JAN 68 KMM . ANGGOTA SEKARANG BERADA DI HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR

NAMA PENDERAF    PEJABAT    NO TEL  
ABD HALIM                    EJUTAN                    2201

TANDATANGAN PEGAWAI BENAR KIRIM  
PANGKAT                    KAPT

KEMBARAN B KEPADA  
KPG-CSM I KEB-0730  
BERTARIKH 15 JUL 07

PERMOHONAN BANTUAN DARIPADA  
TABLUNG AMANAH PERWIRA DAN PERTAHANAN NEGARA  
(Hendaklah dipenuhi dalam ENAM salinan)

BAHAGIAN I (Diisi oleh pasukan)

1. Butir-Butir Diri.

- a. Nombor, pangkat dan nama: .....
- b. Unit: .....
- c. Nama dan alamat penuh waris (Nyatakan perhubungan): .....

2. Butir-Butir Kemalangan.

- a. Tarikh dan masa kemalangan: .....
- b. Tempat berlaku kemalangan (Termasuk grid reference): .....
- c. Keterangan Laporan bagaimana kemalangan itu berlaku: .....

(Jika ruangan ini tidak mencukupi, sila kepilkan laporan)

Tempat: .....

Tarikh: .....

.....  
Tandatangan Pegawai Memerintah

Nama: .....

Pangkat: .....

Jawatan: .....

Pasukan: .....

**BAHAGIAN 2** (Diisi oleh Pegawai Perubatan Pasukan)

3. Laporan Perubatan.

a. Mati Cedera

b. Butir-butir kecederaan yang dialami : .....

.....

.....

.....

c. Rawatan yang telah diberi : .....

.....

.....

.....

Tempat : .....

Tandatangan : .....

Nama : .....

Tarikh : .....

Pangkat : .....

Jawatan : .....

**BAHAGIAN 3**

4. Pengesahan oleh Pengarah Perubatan Angkatan Tentera.

Saya mengesahkan bahawa kecederaan seperti yang tersebut di bawah Bahagian 2 itu adalah sebagai kecederaan RINGAN/PARAH/MENINGGAL DUNIA. \*

Tempat : .....

Tandatangan : .....

Nama : .....

Tarikh : .....

Pangkat : .....

Jawatan : .....

**PERINGATAN**

1. Tandatangan Penolong Pegawai Memerintah atau Ejukan boleh digunakan sekiranya Pegawai Memerintah tidak ada semasa borang disediakan.

2. \*Potong yangmana tidak berkenaan.

3. 6 salinan borang ini dikehendaki dimajukan kepada Cawangan Sumber Manusia MK TD. KEMENTERAH dengan secepat mungkin.